these surgical factors to our surgeons. Some of our surgeons have the highest degrees and great experience in this part of the world, if not in the world. We have got some of the best ophthalmologists in the world, in East Asia at least. Now, the man is going to resign, because he has not got enough instruments to do operations, no proper clinic for him to do surgical operations for the children; he says, "I am not doing my best, because I have not got the proper instruments"—and some instruments have got to be bought with his own money. I do not think the Government is doing the proper thing for our own people here. We have got some very good surgeons in this country; I know it, because I have been to some of the surgeons and we have not got a properly equipped surgery to perform good surgical operations. We have got the men here, but we must have the materials and the conditions in which they can produce proper and good work. Then we have got a doctor, an eye and nose specialist, a man who is very good and highly respected. When he was to be transferred people petitioned about his transfer, but now he is resigning from Government Service. He says, "I have not got enough instruments to do my work". Here is the most brilliant man that the Government can find, and yet the Government does not give him the help, the utility, or the facilities for proper work.

We have sent a man abroad now for cardiac surgery, in order to save sending people to Bangkok later on. Now, Bangkok, at least can boast of having a cardiac surgery. We have got the man in England now undergoing training. In two years he will be back. He is one of the best surgeons we have. But we have not prepared anything; we have not prepared the surgical clinical unit for this man to do his work. It is right that we should do it.

We have sent a man abroad for neuro-surgery. We have not prepared the clinic and it requires at least two or three years to prepare a good clinic and all the instruments to do his work. Whose loss is this, Mr President, Sir? It is a loss to our country of the

ability of this persons to do the work; it is a loss of money expended on these people who have been sent abroad.

I think the attention of the Government should be drawn to the proper expansion of certain hospitals. For instance, the Penang Hospital. I believe it is planned for a future hospital. Now, the Penang Hospital is one of the largest in the North. It can accommodate people from Perlis, from Kedah, from Perak, up to Penang and we have got some of the best doctors there, but since colonial days nothing has been done to the clinics—maybe bigger wards have been built—but what is the use of the wards with more patients and less facilities for work?

I think it is high time that the Government looked into this to see that these people are given proper facilities for doing the work, instead of millions on development. We have got to pay \$695 per person to do the development. If we spent that amount for hospitals, I think the health of our children for the future would be assured. Now, my grouse is this: we have spent so much money to develop this and develop that, but what about the development of the future of our children? Have we set up a committee to see that the future of our children are properly guaranteed? Every year 20,000 children pass out from schools without jobs—the Minister of Education estimated 20,000 children without jobs. What are we going to do with all these children? The future of our country is dependent on these children, and what have we done? The Government should set up a special committee to investigate into this to see that the future of our children is assured and that they should not be going about to become gangsters, robbing people, murdering people, killing people for the sake of \$10, \$20 or \$30. This should not be. Of course, I know that the Minister of Finance has got a job to do. He is a good Minister. He tries to do his job within his capacity, but how can a person always be taxing people without being called names? He has been called all sorts of names. There are boxes put in all the shops saying: "This is for Mr so-and-so,

the Minister of Finance"—a special box for telephone fees. (*Laughter*) So, every time you put in ten cents it is for Mr so-and-so. But our recurrent expenditure is terrific, Mr President, Sir. Our recurrent expenditure for salaries alone is \$16 million a year, and the Minister said that they had not earned that \$16 million a year because they had not served and given proper value for the money. But if we double it every year, next year it will be \$32 million and then \$64 million and so on. That is our recurrent expenditure. So, I hope, the Government will see to it that something must be done for our Civil Service and for our people as a whole.

Now, let us see what can we do? Where are the services for this country? What can we, as citizen of this country, prepare for the future of our country and our children? As my Honourable friend Tan Sri Haji Mohamed Noah said, we should have a Royal Commission. I agree with him absolutely that we should have a Royal Commission to investigate into this matter, to see that the expenditure is properly balanced, to see that there is no lopsided expenditure, and also to see that we are paying real good money for real good service. All the strikes, all these things—the strikes, the problems of labour and everything—impinge on the capacity of the Government to exist, impinge on the capacity of a country to develop and will impinge on the future careers of our children. I hope the Government will take heed of this suggestion of my Honourable friend the Senator here—a Royal Commission is absolutely necessary.

Now, regarding the Blood Debt. I agree with my Honourable friend Tan Sri T. H. Tan, who is now the head of the Associated Chinese Chambers of Commerce. I was the first to suggest about this debt, and because we in Kedah alone estimated that the Japanese had taken away \$10 million from us—in Kedah, a small State with a population of nearly 800,000 people, we had been duped to provide \$10 million—I think something should be done. I agree with the suggestion of our

Honourable Senator that the money should be wisely spent. With that I agree.

Finally, Sir, I wish to say that the Government has done a good job in bringing this Supply Bill here, but I hope the Government will see to it that every cent that is spent gets its value. I wish to support this Bill. Thank you, Sir.

Mr President: Meshuarat ini ditangguhkan hingga pukul 2.15 petang.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 2.15 p.m.

(Mr Deputy President *in the Chair*)

THE SUPPLY BILL, 1967

Second Reading

Debate resumed.

Tuan Chan Kwong Hon: Mr President, Sir, this is the first time in four years that we are able to consider our Budget without the thought of confrontation hanging over us. Once again, we are back to normal, so to speak. We can now concentrate our thoughts and deliberations fully on efforts to develop the economy of our young nation and at the same time to uplift the living standard of our people.

It is gratifying to hear from our Deputy Prime Minister in the Dewan Ra'ayat the other day that 1967 will NOT see the stagnation of development. This should be so if we are to march forward to greater progress. As in all businesses, there must be investment before one can ever have the hope of getting back any return. In this context, intensified efforts must be made to improve and expend our economy in all directions—be it in industry, commerce, trade or agriculture. It is imperative that everything possible must be done to achieve bigger success.

Mr President, Sir, turning now to the Budget, on the surface it appears to be hard-hitting. As I have said in previous years, if we want development and progress, then we must be prepared to pay for them. Those who can afford it must be prepared to pay a bigger share. This is only fair. The

repeal of the turnover tax is most welcome. Its replacement by a two per cent surtax should be a fairer system of taxation.

I am glad that the Honourable Minister of Finance has cleared the air about the additional taxation on high speed diesel fuel. According to him, the tin mining industry in West Malaysia is not affected by the additional 12-cent duty. On behalf of the tin mining industry, I wish to take this opportunity of expressing our thanks to the Alliance Government for its far-sighted decision. The removal of this additional duty will definitely help to promote the healthy growth of the tin industry. This will result in bigger and steady production and greater prosperity for the nation.

Mr President, Sir, most of the local mines are operating on marginal land. Any additional burden placed on them in the form of taxation will seriously affect their very existence. Malaysia is no longer a low-cost producer as she used to be known before. With the gradual exhaustion of mining land with high grade tin content, Malaysian miners are now forced to operate more and more on land with lower grade tin content. This results in higher production costs. It will be interesting to note that these marginal mines contribute more than fifty percent of the national tin output. And if they are forced to close down under circumstances beyond their control, Malaysia's tin production will be seriously affected.

I am glad that the Government has a programme to prospect Malay Reservations and Forest Reserves in order to make more land available for mining. As I have stated earlier, mining land with high grade tin content is slowly but surely being exhausted. It is of vital importance therefore that more land should be made available for mining.

It is interesting to note that the Government is doing everything possible to help the bumiputras set a footing in tin mining. Mr President, Sir, tin mining, especially gravel pump mining, is a highly specialised industry

and it is important that one should have a good knowledge of mining technique before venturing into the business. In this connection, it will be worthwhile for the Government to consider some sort of co-operative venture between the bumiputras and the Chinese miners, to ensure the success of the mining operations. I am sure the industry will welcome the bumiputras with open arms. My Chinese colleagues in the mining community will be only too glad to give every assistance, particularly in imparting the technical know-how on the operation of gravel pump mines. Their experience and skill should be most helpful in initiating the bumiputras into the intricacies of the mining business and will surely assist in solving the numerous problems which miners have to face before success is achieved.

The announcement that the Government is to conduct a survey of the Malay Reserved areas to determine the extent of mineral deposits contained in the areas is most welcome. If the survey shows good prospects, the bumiputras with the help of the Chinese miners will be able to exploit the untapped resources which hitherto remain buried underground. This will undoubtedly bring greater prosperity to our nation.

Tuan Saidon bin Kechut: Tuan Yang di-Pertua, saya juga pada petang ini bangun menyokong Rang Undang-undang Belanjawan bagi tahun 1967 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Muda Kewangan pada pagi tadi dan rasa saya patutlah Menteri Kewangan kita, Yang Berhormat Enche' Tan Siew Sin ini di-berikan kepujian kerana ketegasan, kecekapan dan kesungguhan-nya menyempurna dan menyediakan Anggaran Belanjawan sama ada menambah atau mengurangkan yang sunggoh² di-lancharkan bagi kepentingan negara kita Malaysia yang di-kasehi ini. Walau pun kita dengar bahawa beberapa perkara yang tidak begitu kemas, yang tidak begitu lincis, yang menyinggong beberapa soal terutama-nya masalah kenaikan cukai, ini barangkali berupa soal² detail yang boleh di-selideki dan di-baiki pada masa² yang akan datang.

Tetapi dalam beberapa perkara berhubung dengan Rang Anggaran Perbelanjaan tahun 1967 ini yang melambatkan beberapa Jabatan² yang berkenaan, Kementerian² yang berkenaan, saya suka-lah menyentuh beberapa perkara yang saya rasakan mustahak di-kemukakan dengan perasaan penoh ikhlas dan bertanggung-jawab di-atas kebaikan dan kepentingan bersama ia-itu saya maseh terkenang lagi daripada semenjak saya sendiri mula² menjadi Ahli dalam Rumah yang berbahagia ini sa-hinggalah pada hari ini, pada persidangan Dewan Ra'ayat yang berlangsung yang mungkin akan habis membincangkan masalah² pada besok pagi, masalah kedudukan tambahan elaun bagi Ahli² Dewan Ra'ayat yang di-kemukakan oleh beberapa orang Ahli Dewan Ra'ayat daripada sa-masa ka-sa-masa, kalau tidak salah saya, lebeh kurang tiga kali-lah semenjak saya menjadi Ahli Rumah yang berbahagia ini perkara ini di-timbulkan dan di-perbincangkan di-dalam Dewan Ra'ayat dan saya rasa bagi pehak Ahli² Dewan yang berbahagia ini tentu-lah sangat ber-simpati dan penoh pengharapan supaya Ahli² Yang Berhormat di-Dewan Ra'ayat itu di-berikan tambahan elaun, barangkali oleh kerana mereka bekerja terlampau berat dan mereka tidak pernah tidor tiap² malam oleh kerana bekerja untuk kepentingan negara dan ra'ayat.

Apa yang ingin saya katakan di-sini, malang-nya sa-kali, ia-lah tiap² kali soal hendak menimbulkan ranchangan menaikkan elaun Ahli Dewan Ra'ayat ini kita di-Dewan ini berdetik pun tidak, memnta tambah elaun pun tidak, hendak mengatakan kita ini bekerja keras pun tidak, tetapi di-Dewan Ra'ayat perkara ini timbul, kita yang menjadi mangsa, kita di-katakan tidak ada kawasan tidak patut di-berikan simpati, patut itu dan ini bahkan mereka sahaja-lah yang harus mendapat layanan dan keistimewaan yang walau bagaimana pun perkara ini dengan sa-chara langsung dan sa-chara tidak langsung melibatkan kedudukan Ahli² Dewan Negara ini sendiri.

Oleh kerana saya sendiri bukan sahaja merasa jemu dan bosan tetapi

kadang² saya pun hendak naik radang juga kerana perkara² yang di-keluarkan ini walau pun barangkali kalau kita hendak fikirkan dengan sa-pintas lalu tidak-lah begitu menyinggong perasaan, tetapi dengan sa-chara tidak langsung bagi orang² yang lekas merajok, orang² yang lekas pemanas, tentu-lah orang² yang nipis telinga-nya akan chuba juga hendak memberikan jawapan. Saya ini bukan-lah orang yang pemanas tetapi orang yang suka memberikan jawapan ia-itu rasa-nya pada mula soal ini di-timbulkan kita nampak bagaimana bijak-nya sa-lah sa-orang daripada Ahli² Dewan Ra'ayat ini, yang chuba hendak melakukan maksud² udang di-sa-balek batu ia-itu meminta tambahan elaun kepada Yang Teramat Mulia Perdana Menteri kita, kapada Menteri² Kabinet yang lain, dia tidak sebut soal dia, tetapi dihujong sadikit ada ekor-nya ia-itu setelah untok Menteri² di-naikkan untok dia pula, bagi-lah tambahan elaun perjalanan, bagi itu dan ini dan kemudian bila pehak² yang berkenaan daripada Menteri² kita memberikan jawapan terus-lah pada masa itu mereka itu membuat serangan kapada Ahli² Dewan Negara.

Saya ingin mengatakan di-sini pendapat dan fikiran saya berhubung dengan kedudukan kawasan dan kedudukan orang yang tidak ada kawasan, perbezaan di-antara Wakil Ra'ayat dengan Ahli² Dewan Negara. Saya rasa barangkali tiap² sa-saorang yang dudok di-dalam Dewan ini kalau ada pun yang bernasib baik yang dudok di-da am kawasan pilehan raya yang Wakil Ra'ayat-nya bekerja keras untok kepentingan ra'ayat, Ahli Dewan Negara itu memang bernasib baik dan bertuah, tetapi bagaimana jika-lah sa-orang Ahli Dewan Negara yang dudok di-dalam satu kawasan Wakil Ra'ayat, yang Wakil Ra'ayat-nya tidor lelap makan angin dan tidak pernah pun datang mengambil tahu hal² masyarakat di-kawasan-nya, maka sudah tentu-lah tumpuan masyarakat, tumpuan ra'ayat yang berkehendakkan segala bantuan dan sokongan, moral dan tenaga, maka mereka akan mendatangi orang² yang di-pandang boleh menolong, orang² yang lebeh di-kenali

dan lebih bersimpati kepada mereka. Kejadian ini tidak dapat di-nafikan. Saya kalau hendak menceritakan panjang berhubung dengan kedudukan bagi memperbedzakan bagaimana-kah kegiatan, kesulitan yang di-tanggung oleh Ahli² Dewan Negara pada sa-bahagian² yang dapat kita jadikan chontoh dan tauladan, maka sunggohnya saya pada hari ini di-dalam Dewan ini akan membukakan tembelang² yang kita tahu perkara itu memang dapat kita ketengahkan dan dapat kita kembalikan sa-bagai satu jawapan yang betul² mungkin menginsafi Ahli² Dewan Ra'ayat yang begitu tidak bertimbang rasa dan tidak 'adil dalam memberikan serangan² kepada Ahli Dewan ini.

Saya ingin menyatakan, sa-bagai satu chontoh, ia-itu yang pertama sa-kali sa-bagai sa-orang Ahli Yang Berhormat konon, sa-bagai sa-orang Ahli Dewan dan sa-bagai sa-orang yang berjuang dalam lapangan masharakat ka-sana ka-mari, yang pertama sa-kali yang agak membingungkan dan merunsingkan ia-lah soal derma. Ini soal tidak dapat kita nafikan. Ka'au wakil ra'ayat boleh menderma \$10.00 Ahli Dewan Negara biasa-nya tidak pernah kurang bahkan kerana tinggi kedudukan-nya konon hendak tambah sa-kurang²-nya \$5.00 lebih daripada Ahli Dewan Ra'ayat. Segala pasokan permainan, sukan, sekolah², derma apa sahaja ranchangan² di-jalankan oleh masharakat, Ahli² Dewan Negara ini selalu-nya tidak pernah ketinggalan didatangi dan sa-chara paksa pun dilakukan mahu tidak mahu sama² berkorban bagaimana yang di-rasa dan di-tanggungkan oleh Ahli² Dewan Ra'ayat.

Saya tidak-lah hendak mengatakan bahawa di-dalam soal Ahli² Dewan Negara ini bagaimana yang saya katakan, tidak ada soal yang timbul masalah meminta kenaikan tambahan elaun Ahli² Dewan ini, chuma yang gatal mulut Ahli² Dewan Ra'ayat sendiri dan mereka yang mengemukakan sa-orang yang mengemukakan sa-puluh menentang-nya yang melibatkan kedudukan Ahli Dewan Negara. Kalau-lah keadaan demikian ini maseh berkepanjangan, maseh mendatangkan

pertentangan, saya perchaya satu masa akan menjadi ribut, soal yang akan di-binchangkan lagi dalam kedua² Dewan ini tidak ada lain, Ahli Dewan ra'ayat menentang Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Negara akan menyerang balas kepada Ahli Dewan Ra'ayat dan pada masa itu-lah barangkali Ahli² Dewan Ra'ayat sendiri merasakan bagaimana tidak sedap telinga-nya mendengar ia-itu perkataan² yang menyinggong perasaan di-keluarkan daripada Dewan ini nanti.

Saya dalam perkara ini, suka menyatakan pada mula-nya saya menganggap Ahli Dewan Ra'ayat yang berchakap dalam soal tambahan elaun ini bermaksud udang di-sabalek batu yang mengatakan Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri tidak kechukupan be'anja. Pada mula-nya saya rasa pun memang ada maksud tujuan di-sabalek-nya. Tetapi malang-nya Yang Teramat Mulia Tunku sendiri, sa-telah keluar perkataan² mengatakan Tunku tidak chukup belanja patut ditambah elaun-nya, maka Yang Teramat Mulia Tunku sendiri mengaku bahawa memang-lah Yang Teramat Mulia Tunku sendiri sa-bagai sa-orang Perdana Menteri sa-lama ini tidak chukup belanja dan itu-lah sebab-nya Yang Teramat Mulia mengarahkan pertunjokan filem.

Saya dengan perasaan jujur, ingin-lah menyatakan pendapat dan perasaan saya. Sa-bagai sa-orang Perdana Menteri, sa-bagai sa-orang yang memegang teraju yang penting dalam pentadbiran negara, walau pun rasanya tidak chukup belanja dan tidak chukup apa sahaja, tidak-lah manis dan tidak-lah patut mengeluarkan kapada pengetahuan ramai bahawa sa-orang Perdana Menteri tidak chukup belanja. Kerana masalah ini akan menimbulkan beberapa perasaan dan beberapa kekeliruan yang mungkin mendatangkan kesan yang agak kurang baik kapada sa-orang yang ingin hendak memimpin negara, hendak memimpin ra'ayat dengan erti kata yang sa-benar-nya yang dapat di-hormati oleh seiuroh ra'ayat dan masharakat. Jadi walau macham mana pun perkara

ini sudah berlaku, saya sendiri menyatakan-lah yang saya tidak bagitu setuju dan saya berasa kurang senang di-atas kedudukan perkara ini.

Dalam soal Tunku mengarahkan satu kerja yang kita nampak di-lapangan perfileman ini saya memang katakan Yang Teramat Mulia Tunku sa-orang yang berkebolehan, sa-orang yang betul² mempunyai semangat dan minat dalam lapangan perusahaan dan seni-budaya atau pun apa sahaja yang kita katakan bagi kebaikan sa-suatu yang di-katakan hak kepentingan masyarakat negara-nya. Tetapi dalam usaha² yang di-jalankan oleh Yang Teramat Mulia dalam perusahaan filem, mengarahkan filem, satu soal yang saya sendiri merasa tidak puas hati di-sabalek kebolehan dan kejayaan Tunku mengarahkan filem² ini ia-itu saya rasa soal hendak mengarah atau hendak membuat filem yang akan di-pertunjukkan bagi gambaran masyarakat dan tanah ayer kita ini bukanlah kurang orang² yang mempunyai kesanggupan, orang² yang mempunyai kebolehan dalam lapangan yang tertentu dalam soal perfileman ini sabagai yang kita tahu banyak artis² ia-itu saperti P. Ramli, Jamil Sulong, serta beberapa orang lagi yang kita tahu yang menjadi ahli dalam perkara ini—erti-nya kita tidak kekurangan orang yang boleh mengarahkan filem. Tetapi Yang Teramat Mulia Tunku rasa-nya dalam perusahaan filem ini harus-lah memikirkan bagaimana kedudukan perfileman yang di-keluarkan oleh orang² tempatan terutama-nya daripada kalangan orang² bumiputra (orang Melayu) yang mengusahakan pengeluaran filem² Melayu tempatan pada hari ini yang tidak mendapat tempat keistimewaan dan keutamaan dan nilai yang tinggi yang pernah menjadi sungutan oleh ahli² yang mengusahakan perfileman tempatan ini, beberapa waktu yang sudah hingga kepada hari ini filem di-keluarkan banyak, harganya murah, panggong yang hendak di-tayangkan filem Melayu terbatas sangat dan di-monopoli oleh hanya satu atau dua gulongan yang tertentu sahaja yang mendapat faedah yang besar. Dengan sebab itu-lah walau pun di-usahakan bagaimana pun oleh ahli²

yang chuba hendak meninggikan mutu perfileman Melayu di-negara kita ini tidak mendapat tempat dan kesan yang baik dan ini saya merasakan bahawa satu-nya orang yang dapat mengatasi perkara ini ia-lah Yang Teramat Mulia Tunku sendiri yang mempunyai jiwa dan minat dalam lapangan ini. Bukan hanya banyak mengeluarkan filem dan boleh mengarahkan filem sahaja tetapi menchari jalan bagaimana-kah kelua-san penggunaan dan kesan filem² tempatan yang di-buat oleh orang² Melayu ini akan dapat di-tinggikan nilai-nya bagi kepentingan seni atau kebudayaan nasional negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu saya sendiri merasa kurang senang juga di-atas satu pendapat atau pun apa yang di-katakan penerimaan fahaman Yang Teramat Mulia Tunku sendiri berhubung dengan kekerasan atau pun faham kominis. Kita tahu bahawa barangkali Yang Teramat Mulia Tunku dalam memberikan penjelasan ini menyatakan di-dalam Dewan Ra'ayat, kita tidak-lah menentang faham kominis tetapi kita menentang kekerasan perbuatan kominis. Saya rasa soal ini ada-lah satu soal yang telah menjadi dasar dan pegangan daripada sa-genap ra'ayat Malaysia yang tahu-kan akibat dan juga mempunyai faham yang tertentu dalam memerhatikan dan juga menjalankan sa-suatu gerak langkah yang di-fikirkan pada keperchayaan mereka mendatangkan keburukan atau kebaikan kepada negara ini. Maka fahaman dan keperchayaan kita sa-lama ini di-bawa dan di-alirkan oleh pemimpin² negeri ini sendiri yang sa-lama ini bermati²an mengatakan dan menegaskan bahawa bagi pehak kita di-Malaysia ini tidak akan menerima faham kominis dan kita akan menentang habis²an terutama-nya apabila kita telah pun menerima akibat² penangan kekerasan dan faham kominis 12 tahun apabila mereka chuba menguasai kita di-sini.

Tetapi baharu² ini di-dalam Dewan Ra'ayat, Yang Teramat Mulia Tunku sendiri sudah chuba pula mengalah fikiran dan pendapat-nya mengatakan tidak menentang faham kominis tetapi hanya menentang kekerasan kominis. Soal ini sunggoh mengelirukan. Saya

rasa sa-bagai sa-orang yang sama² menjadi ra'ayat Malaysia ini tentu-lah berpegang kepada apa yang sudah diterangkan dari semenjak mula menjadi dasar kita dan mendengar perkhabaran², berita², keadaan² dan bagaimana tipu helah fahaman kominis yang chuba hendak mendapatkan kuasa atau pun memasoki satu² negara dengan chara yang bijaksana yang dapat meng-abui mata orang lain. Saperti mana yang kita tahu faham kominis ada-lah faham yang di-tentang terutama oleh negara² Islam sendiri dan saperti kita di-sini juga harus merasakan ia-itu tipu helah pada masa ini, pada masa sa'at yang akhir ini, mungkin kalau kita kurang berhati² bukan-lah kebaikan yang akan kita terima tetapi kejahatan yang mungkin timbul kerana sa-panjang yang kita tahu daripada segi perjuangan faham kominis ini sendiri ia-lah apabila mereka kesempitan mereka akan datang dengan chara yang baik, dengan chara yang halus, dengan chara memujok dan berbagai² alasan lagi. Tetapi apabila mereka telah berjejak, mereka telah dapat memanjangkan tangan dan melangkahkan kaki-nya bagitu jauh, maka akhirnya mereka akan kembali kepada fahaman-nya yang ingin mahu mengongkong dan menindas atau pun merampas apa sahaja yang patut di-dapati-nya.

Jadi di-dalam soal ini patut-lah saya menarek perhatian kalau sa-kira-nya perkara ini benar² hendak di-terima, hendak di-ranchangkan dan mahu di-jalankan, walau pun atas segi persahabatan, walau atas segi apa sa-kali pun, walau pun pertukaran fikiran dan pandangan daripada pehak negara² kominis terhadap negara kita telah berubah, mereka mahu bersahabat sa-chara berkawan, berkenalan dan dan mengadakan perhubungan, bagitu bagini, harus-lah Kerajaan kita awasi benar² dan saya sa-hingga sa'at ini pun tidak dapat memperchaya² kejujoran atau pun keikhlasan pehak² yang datang-nya daripada fahaman kominis di-dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentoh sedikit di-dalam perkara perdebatan berhubung dengan Rang Undang² ini dalam beberapa perkara

lagi yang saya ingin menyebutkan satu daripada-nya lagi ia-lah berhubung dengan kedudukan Pasokan Askar yang ada di-negara kita. Dalam pertanyaan² bertulis saya, yang saya mengemukakan telah pun di-beri jawapan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan memang-lah layanan kepada pasokan² askar yang ada di-negara Malaysia ini belum memuaskan hati dan dengan sebab beberapa perkara yang harus di-selidek dan di-ketahu² lebeh dahulu, maka Kerajaan telah menubuhkan satu jawatan-kuasa bagi membuat satu laporan berhubung dengan soal² gaji pokok dengan soal elauun sewa rumah dan beberapa perkara yang mengenai kepentingan hidup askar² yang ada di-Malays'a ini.

Saya suka menarek perhatian di-sini ia-itu dengan sa-chara kasar kita dapat memerhatikan bagaimana-kah kesulitan² yang di-hadapi oleh askar² kita terutama-nya askar² yang berpangkat biasa hingga-lah sampai kepada pangkat RSM, keadaan², kesulitan hidup mereka itu terang dan nyata. Terutama-nya dalam soal sewa rumah. Saya tidak tahu yang sa-benar-nya sewa rumah kepada pasokan askar² biasa dan kepada yang berpangkat RSM ini berapa bayaran yang sa-benar-nya, tetapi, apa yang saya tahu tentu-lah kurang dan sedikit barangkali di-antara \$20 dan \$30 sahaja. Dengan sebab memandangkan di-tempat saya itu boleh di-katakan keluarga askar ini-lah yang banyak menyewa rumah. Mereka menyewa rumah bilek² kecil yang atap-nya bochor dan dinding-nya pun sudah lapok ia-itu bukan-lah dari sebab mereka ini tidak ingin mencharikan kesenangan tempat tinggal-nya, tetapi dengan kerana bayaran yang bagitu tinggi maka tentu-lah berkehendakkan bilek² yang murah yang di-sewa dengan bayaran yang murah, maka keadaan mereka amat-lah menyedihkan.

Satu lagi berhubung dengan soal kedudukan gaji pokok. Kita tahu tambahan² telah di-berikan oleh Kerajaan kita kepada mereka, tetapi, tambahan² yang di-berikan itu boleh kita katakan ia-itu tambahan kepada elauun sara hidup tetapi bukan kepada soal gaji pokok. Gaji pokok-nya maseh kecil,

tetapi bayaran² lain yang di-naikkan dan saya rasa kesulitan² besar yang akan timbul kepada keluarga askar ini nanti ia-lah apabila mereka bersara. Mereka bekerja, berkhidmat sa-lama 18 tahun atau pun 20 tahun sa-lebeh²-nya pada masa itu mereka bersara, maka bayaran² yang di-dapati daripada pendapatan bersara ini-lah yang akan mengechewakan kedudukan dan harapan mereka. Kerana sa-panjang yang saya tahu ia-itu pasokan askar² kita ini semua orang tahu bagaimana khidmat-nya, chemerlang-nya dan kepujian yang harus di-berikan kapadanya sa-bagai perajurit mengorbankan darah, mengorbankan jiwa, kerana kepentingan negara sa-mata². Maka kapada mereka ini harus-lah Kerajaan memberikan perhatian yang berat supaya mereka ini dapat-lah sedikit sa-banyak merasakan nikmat² hidup sa-telah mereka menyabong nyawa dalam semua masa kepentingan jawatan-nya itu telah di-berikan maka apabila mereka bersara dan dalam keadaan tempat tinggal-nya sa-masa mereka berkhidmat ini dapat di-berikan keistimewaan yang sa-patut dan sa-'adil²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa perkara yang saya katakan tadi, satu soal yang patut saya hendak kemukakan di-sini barangkali tentu-lah ada orang mengatakan tak patut dan tak sesuai lagi di-kemukakan. Tetapi saya ingin mengemukakan perkara ini untuk mendapatkan perhatian, ia-itu berhubung dengan soal suasana yang sudah baik di-antara Kerajaan Singapura dan Kerajaan Malaysia dengan sebab ada-nya perundingan di-padang golf di-Cameron Highlands, ia-itu suasana yang baik ini bagaimana yang kita dengar beberapa orang sudah berkata tadi ada-lah menjadi pengharapan besar kita—Kerajaan kita di-antara dua negara yang bersaudara ini akan sentiasa berada dalam perasaan kaseh mesra, dalam keadaan muhibbah dan dalam keadaan bersatu padu bagi menjayakan di-antara satu sama lain dalam soal² yang kita tidak dapat nafikan ada hubungan dan kepentingan bersama. Tetapi bagaimana dengan keadaan dan suasana yang baik ini baharu sahaja di-datangkan dan di-tukarkan kapada keadaan yang agak mengembirakan,

tetapi, sa-belum itu dalam masa yang begitu sengkat, dalam masa hampir² hendak di-adakan jalan yang menda-tangkan kebaikan di-antara perundingan yang di-adakan di-Cameron Highlands ini, kita dengar chelaan² dan penghinaan² di-datangkan oleh orang² yang duduk dalam Kerajaan Singapura sendiri.

Kita sendiri tahu bagaimana salah sa-orang Menteri Singapura, Enche' Rahim Ishak, mendatangkan satu fitnah yang besar yang chuba memburukkan kedudukan orang² Melayu, chuba memisahkan orang² Melayu dengan Raja²-nya dengan mengatakan, Raja² Melayu yang ada di-Malaysia ada-lah Raja² yang betul² memandang rendah ra'ayat-nya oleh kerana di-sebutkan patek itu ada-lah anjing. Soal ini telah menjadi perbahathan hebat di-dalam surat² khabar. Bagaimana sa-orang Melayu yang betul² mengetahui 'adat dan isti'adat sanggup melemparkan kata² yang menghinakan ini. Saya rasa bagi pehak orang² Melayu yang sanggup mengeluarkan perkataan ini, orang² yang sanggup merendahkan kedudukan Raja² yang ada di-Malaysia ini dan chuba hendak melemparkan satu² perbuatan yang boleh mendatangkan salah faham dan kekeliruan di-antara perasaan ta'at setia kapada Duli² Yang Maha Mulia Raja² Melayu di-negara Malaysia ini. Orang² ini yang sa-betul-nya Melayu chelup sahaja, Melayu yang telah hilang perasaan ke-Melayuan-nya, Melayu yang betul² tidak mempunyai maruah dan hanya menjadi topeng dan alat sahaja di-sa-buah Kerajaan yang menchari kepentingan diri-nya sendiri, dan orang² ini boleh-lah saya katakan, kalau di-Pulau Singapura ini sendiri orang² Melayu Singapura pun sudah tidak menerima di-dalam masyarakat orang Melayu dengan sebab itu-lah dia sekarang ini be-mimpi dan dia sendiri tidak tahu apa-kah kedudukan dia yang sa-benar-nya. Dan bagi mereka yang demikian, saya katakan, ada-lah orang² yang tidak bertanggung jawab dan orang² yang tidak mempunyai kenyataan yang boleh di-pegang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyentoh dalam soal Kementerian Pelajaran sedikit berhubung

dengan dasar pengambilan kakitangan 'awam di-Universiti Malaya dan Hospital yang kita tahu perkara ini ada-lah juga saya jadikan pertanyaan bertulis dan telah pun mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Saya rasa jawapan yang di-berikan oleh Menteri Pelajaran ini tidak-lah tepat dan saya maseh belum puas hati dan saya suka kemukakan beberapa perkara yang saya rasa patut di-ambil perhatian. Satu, ia-lah berbong dengan pengambilan kakitangan 'awam di-Universiti Malaya dan Hospital yang di-jalankan dengan sa-chara yang tidak tersusun dan dengan tidak chukup selidek, ia-itu kakitangan 'awam yang di-ambil berkhidmat dalam bahagian² Faculties di-Universiti Malaya dan Hospital ini di-monopoli oleh satu keturunan bangsa sahaja. Saya jadikan soalan supaya di-keluarkan jawapan ia-itu berapa-kah jumlah satu² bangsa yang memegang jawatan² dalam jabatan² di-Universiti Malaya dan Hospital ini. Jawapan yang saya terima tidak menepati dan bagaimana yang saya katakan tadi satu perbuatan monopoli telah berlaku dalam pengambilan kakitangan 'awam di-Universiti Malaya dan Hospital yang telah kita ketahui daripada satu buku Anggaran Belanjawan yang di-keluarkan oleh Pihak Pentadbir Universiti Malaya itu sendiri, ia-itu di-antara berbagai lapangan pekerjaan yang ada di-bolot oleh satu keturunan, sedangkan satu keturunan dan beberapa jawatan² itu terdiri daripada orang² yang jumlah besar-nya di-monopoli dan di-jalankan serta di-usahakan dengan chara yang tidak 'adil dan terator, oleh kerana mereka ini membeza²kan satu bangsa dengan bangsa yang lain.

Pengambilan kakitangan 'awam Division I, II dan III di-jabatan ini ia-lah di-jalankan oleh pihak² pentadbir Universiti Malaya dan juga Hospital sendiri yang mana pihak² pentadbir itu pula di-antara-nya bukan-lah warga negara Malaysia ini sendiri. Kita tahu benar² perasaan² yang telah berkechamok sekarang ini di-antara kakitangan 'awam di-Universiti Malaya dan juga Hospital ini yang merasa tersinggong dan memang perbuatan ini selalu di-sengaja²kan oleh pihak²

yang tertentu. Kita tahu Yang Teramat Mulia Tunku sendiri pernah di-perendah²kan dan Timbalan Perdana Menteri sendiri pernah di-perendah²kan apabila membuat lawatan di-tem-pat ini dan saya mengatakan dalam perkara ini jawatan² perkhidmatan kakitangan 'awam yang ada di-Univer-sity Malaya dan juga di-Hospital ini tidak-lah sa-harus-nya di-jalankan oleh kebijaksanaan yang terdiri daripada Pegawai² Pentadbir ini sahaja, patut-lah perkara ini di-siasat dan kalau perlu di-tadbir²kan pengambilan kakitangan 'awam oleh satu badan yang di-tuboh-kan khas. Bagaimana yang ada sekarang bukan-lah tidak ada badan yang di-tubohkan khas yang terdiri daripada Tan² Sri dan Dato² yang dudok dalam Jawatan-kuasa Pemilihan ini, tetapi mereka² ini barangkali oleh kerana menaruhkan keperchayaan pe-noh dan bulat terhadap Pegawai² Pen-tadbir ini, maka mereka menerima dengan tidak ada pereksaan dan teliti lagi dan terjadi-lah keadaan² yang tidak di-ingini.

Satu perkara yang ingin saya me-narek perhatian di-sini, ia-itu bagaima-na chawangan Bank Bumiputra yang di-tubohkan di-Universiti Malaya pe-nah di-ejek² dan di-sindir², bagaima-na pihak yang merasa tersinggong daripada gulongan yang kecil yang menjadi kakitangan 'awam dalam Division I, II dan III dalam jabatan ini telah menimbulkan kemarahan dan hampir² mereka ini chuba bertelagah sama sendiri. Saya rasa perkara yang demikian, kalau sa-kira-nya tidak di-atasi dan tidak ada ranchangan untuk di-baiki, mungkin pada satu masa nanti sa-suatu keadaan yang tidak di-ingini akan timbul dan perkara ini sunggoh-lah jika sa-kira-nya berlaku akan menyedehkan. Dengan sebab itu, perkara ini patut-lah pihak yang ber-kenaan daripada Kementerian yang berkenaan mengambil satu tindakan yang segera bagi mengatasi kejadian² burok yang mungkin berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin, saya sentoh ia-itu-lah Kementerian Tanah dan Galian dalam soal pemechahan estate². Saya sudah dengar di-dalam Dewan ini tadi beber-apa orang yang telah berchakap dalam

Satu perkara lagi, Tuan Yang dipertua, sa-belum saya dudok ia-itu berhubung dengan hutang darah. Saya rasa perkara ini saya tidak hendak timbulkan lagi kerana saya takut akan mendatangkan kekeliruan. Tetapi pendapat saya sendiri dalam perkara hutang darah ini juga pada pagi tadi, dalam jawapan bertulis saya telah pun menatap jawapan yang di-berikan oleh Kementerian yang berkenaan. Masaalah hutang darah ini kita tahu ada dua badan yang menjadi juara menuntut—sa-orang hendak menarek di-pehak ini dan sa-orang menarek di-pehak itu. Persatuan Bekas Buroh² paksa juga menuntut supaya mereka juga di-berikan keistimewaan dan Dewan Perniagaan orang² Tiong Hua juga di-negara kita ini berkehendakkan perkara ini di-ambil perhatian untuk di-berikan keistimewaan.

Apa yang saya maseh ingat, dalam masa kedudukan pemerentahan Jepun tempoh hari ia-itu buroh² paksa yang di-angkut bekerja di-jalan keretapi maut Siam dahulu bukan-lah sedikit jumlah-nya bahkan berpuluh² ribu, diantara mereka yang menanggung kesulitan dan kepedahan hidup sa-hingga hari ini, chachat anggota-nya ada yang telah terkorban nyawa bagitu banyak jumlah-nya dan dalam masa mereka yang belum terkorban jiwa-nya atau chachat anggota-nya beberapa kejadian yang menyayat hati telah berlaku dengan sebab kekerasan tindakan Kerajaan Jepun memaksa mereka membena jalan kereta api maut itu. Apabila kedengaran sahaja bayaran² yang hendak di-berikan, bayaran hutang darah atau pun bayaran muhibbah yang di-sebut dalam berbagai² istilah ini, maka timbul-lah ketegangan. Apa yang saya berpendapat di-dalam soal ini, saya rasa bukan-lah patut kita hendak mengechewakan harapan daripada Dewan Perniagaan atau pun daripada persatuan bekas buroh.

Tetapi dari pendapat saya sendiri tentu-lah siapa sahaja bersetuju dengan saya bahawa pengorbanan darah dan jiwa-lah satu²-nya pengorbanan yang di-anggap chukup besar yang harus di-berikan pertimbangan yang istimewa oleh Kerajaan. Kerana sampai di-hari ini kita dapat mendengar keadaan²

penderitaan dan perasaan sedeh dari-pada keluarga² yang anak-nya terkorban di-jalan keretapi itu, yang suaminya terkorban, yang ada ayah dan ibunya dan berbagai² lagi yang menyebabkan penderitaan hidup yang berpanjangan dan merasakan penderitaan-nya sa-hingga di-hari ini. Jadi bagi pendapat saya dalam soal ini bukan-lah soal material yang harus di-pentingkan tetapi soal yang harus di-pentigkan ialah soal pengorban jiwa dan fikiran serta tuboh badan yang telah menjadi mangsa kekejaman Kerajaan Jepun tempoh hari itu.

Saya mengharapkan perkara ini walau bagaimana pun terserah-lah kapada pertimbangan Yang Teramat Mulia Tunku bagi memberikan layanan yang sa-adil²-nya untuk muslihat kepentingan negara dan masharakat kita bersama. Sekian-lah Tuan Yang dipertua.

Tuan Lim Joo Kong: Mr President, Sir, I rise to pay a tribute to the Alliance Party Government under the outstanding leadership of our Prime Minister, the Tunku, and it is due to the wise administration of all the Ministers of his Cabinet that the Government could be run so well and smoothly bringing peace and prosperity to our country and to our people. I take off my hat to the Honourable the Minister of Finance, who can so ably present such a progressive Budget for the coming year without causing too much hardships to the people. There is a little observation I wish to make, to which I sincerely hope the Honourable Minister will lend me his ears. It concerns some steps which might help to economise on the spending of some of the Government Departments, or increase the revenue of our country, thus saving some good money for some other useful purposes which could result in even lighter taxation in future.

Sir, for instance, the Public Works Department, or Jabatan Kerja Raya, which is often humorously referred to as the Public Waste Department, because its works are always openly exhibited to the people and to the layman it seems that a lot of money spent is just a waste; whether such comments are correct or not, it is left

to the Honourable Minister to find out. For instance, the construction of an earth road costing hundreds of thousands of dollars and having to acquire hundreds of acres of land for the purpose of construction of the road just to suit the requirement of a handful of people at the expense of thousands of taxpayers does not seem to serve its purpose.

I have known of a stretch of eleven miles of newly constructed road with three bridges across three rivers and having to acquire more than two hundred acres of first-class padi fields just to serve a small kampong, which could easily have access through the nearby rivers or even through the railway line—this is really killing a fowl with an axe that can fell a buffalo. Now, one can hardly meet a motor car when one travels along this stretch of eleven miles of road. Moreover, some of the bridges which were hurriedly built by using all sorts of materials are already worn out and many parts of this road which were hurriedly surfaced with tarmac have sunk down below its actual level and is already in a state of complete disrepair. So you can see, Sir, what the layman refers to as a waste.

Sir, another instance is the construction of the Dewan Orang Ramai. Many such buildings are now turned into make-shift cattle sheds. One always notices that stones are stacked on the road side and after some time shifted from one place to another. This, according to my humble opinion, is due to the fact that votes budgeted by the various departments will have to be spent before the end of the year or else the balance will have to be revoked. Hence, it has become the normal practice of every department to spend whatever left behind speedily and quite freely before the year ends just for the sake of getting rid of the balance. What would happen if this balance is spent on medical supplies that can become useless after a certain period of storage? This no doubt creates a position whereby the Honourable Minister of Finance will have to crack his head again and again, in order to find more money for their spending.

Therefore, I would suggest to the Honourable Minister that he should do something to avoid this sort of spending by either allowing the balance to be carried forward for the coming year or by offering meritorious or distinguished service medals for those officers, who could help to economise in the expenditure of their departments.

Concerning the Ministry of Transport, the operation of the fast rail-car services is being much appreciated by those who live along the railway line, or those who frequently travel by railway. I consider that more such rail-car services should be introduced, or at least more frequent trips should be operated so that the railway could compete more effectively with road transport as well as to bring in more revenue to the Railway Administration. I happened, Sir, to be at the railway station in Alor Star at 6 p.m. on 17th February last. There I noticed more than 200 persons trying to squeeze into one rail-car and a trailer which were capable of accommodating not more than 120 passengers. So, the congestion inside the train was worse than that of the Black Hole of Calcutta; God knows what would have happened, Sir, if there were an accident. Therefore, quite a number of people were turned back, and being the last train one could imagine how bitter was the feeling of those disappointed passengers who had to be refunded their money. Personally, Sir, I heard one educated person cursing out these words: "No wonder the Railway Administration had to lose \$9 million a year. Look at such a hopeless administration. When people bring you money you tell them to clear out." I consulted the Station Master who replied to me very, very politely. He said that he had tried his very best in consulting Control at Bukit Mertajam, or Prai, controlling that line north of Bukit Mertajam, and it seemed that nothing could be done. Personally, I suggest at least some coaches should be kept in readiness at principal stations such as Padang Besar, Alor Star, or Sungei Patani, so that they can be used in cases of urgency instead of

allowing them to remain idle at the railway yard at Prai. Another thing that one can always hear is that there has always been shortage of railway waggons to supply traders for sending their goods, but one can usually see quite a number of them lying idle either at the Prai railway yard or at Bukit Mertajam. I hope the Railway Administration would see that every effort is made to make full usage of these waggons. One can always notice also that a lot of Government rice is being taken from the Government godown at Anak Bukit by lorries and then loaded into foreign steamers at the wharf in Alor Star. Any layman would ask this question: "Why do we export our rice when we do not have enough to feed our own mouths?" The fact is this. This rice is not being exported; it is only shipped from Alor Star to Port Swettenham and from there transported by lorries to Kuala Lumpur again. One can imagine the amount of handling and cost of transport involved in this kind of traffic. Why cannot the Railway Department handle this costly traffic of the Government themselves and earn back the millions of dollars lost? Even if the Railway were to charge at a cheaper rate, I still consider it is worthwhile doing so, because it means taking out money from one pocket and putting it into another.

On Education, the Alliance Government can be proud of its education policy in spending over 20 per cent of its total budget on education alone, giving free education up to six years for the children of all citizens and also in giving a place for everyone of them up to 9 years. I have a little observation to make in respect of admission into higher studies, such as H.S.C. and M.T.C. I have come across a few cases such as the son of a poor lorry driver who was given a place in the H.S.C. Class at Johore Bahru and a shop assistant's son given a place in Seremban. That amounts to asking them not to go. This causes great hardships to their parents, who can ill-afford to allow their children to stay away from home. I hope the Education Department could be more realistic

and sympathetic in the allocation of such admissions, so that the students could be given places as near to their homes as possible.

Results of School Certificate and H.S.C. examinations were often released piecemeal, thereby creating tension and suspense in the minds of the students whose results were withheld. They could be driven crazy by their illiterate parents or those who do not understand English. For instance the H.S.C. results for Selangor, Malacca and Negeri Sembilan for 1966 were released in the *Straits Times* on the 16th February last, where the results for Kedah were released on the 18th—two days later. But a Chinese newspaper had earlier published this very short caption, "Three hundred and one in Kedah passed H.S.C." After having seen such publication, parents who are not educated in English could become mad if their children were to tell them that their results were still unknown.

Just now the Honourable Tan Sri T. H. Tan mentioned that about 3,000 of our students are studying in Taiwan universities. It is quite disheartening to note that these students after graduation could not be utilised by our country because their degrees cannot be recognised in our country. What a terrible waste! On the other hand, we are engaging doctors and technicians from Korea and the Philippines and they have to do their work through interpreters, which can be very unpleasant and very expensive also. I cannot understand why we cannot make use of such good materials of ours, our own citizens, when their degrees can be recognised in America and we here recognise American degrees.

Now, Sir, concerning the Ministry of External Affairs, a Malaysian citizen holding a passport will have to find a guarantor for the sum of \$750 before he is allowed to travel to Thailand. This embarrasses the referee, who usually vouches only for the character of the applicant. A Malaysian who lives in the border States, such as Kedah, Perlis and Kelantan, can obtain a border pass for travelling into Thailand, but he is only allowed to travel

up to a distance of 100 kilometres from the border. Our country does not impose any such regulations on Thai visitors or tourists who come into our country. Therefore, I hope our Government will take up this matter with the Thai Government, so that there is mutual respect for one another and that our citizens can be given the same fair and equal treatment.

Concerning the Ministry of Agriculture, I wonder the Honourable Minister of Agriculture—he is not here at the moment—has personally nursed that famous pet baby of his, which he has taken so much pains to deliver—the Padi Malinja. As a “nurse” myself, I have found out that this baby is humpback and possesses the skin of an elephant and that is why it is shunned by the millers because they can only extract a very poor percentage of rice, and to the housewife it looks more like a *balak*, because it has a big white belly and it is therefore shunned by the consumer. To the planter it is not very easy to store, because it sprouts faster than any other variety. I doubt any of my Honourable colleagues here have tasted this famous rice. No wonder when I come to Kuala Lumpur the people here prefer to eat foreign rice, Siamese rice. Even that served on the table just now was foreign rice rather than our own—I am sorry for having made that complaint, Sir. I just quoted it as an instance. With due respect to our President who offered us that delicious lunch, I should not have made that kind of comment here, but fact is fact. Sir, We ask our people to plant twice a year, to increase production to make our country self-sufficient, when we are not eating our own rice. What is the aim then? The sole aim is defeated. Therefore, I hope the Honourable Minister will eat whatever rice he introduces before he recommends it to the planter. I would quote what Confucius said: “Do not unto others that you do not want others do unto you”. Sir, I take off my hat to the Minister for the introduction of the variety of padi called Mashuri. This variety has gained the confidence of the farmer, the miller as well as consumer. I hope

more such good varieties could be introduced to our farmers. As for Padi Ria, I do not wish to comment on it because it is too early to do so. But its huge size is a bit shocking and, on the other hand, the small size of its plants is giving the farmer a very tough backbone exercise.

Now, Sir, I wish to say a few words about citizenship. A blue identity card is issued to a Federal citizen only after having carefully checked up the relevant documents of the holder and after having scrutinised the holder's character before the holder is qualified to possess this very important document, recognising him or her as a citizen of our country. When the holder of a blue identity card applies for a passport, he or she is again required to produce his or her citizenship certificate. Does this mean that the Immigration Department did not have any confidence in the Department of Registration of Citizens for the issue of the blue identity card? I trust the Honourable Minister will notify all Government departments concerned and tell them to carry out their duties in proper order, so that our citizens can enjoy the rights they are entitled to. Another instance that grieves our citizens is this. A boy or girl born in our country, I mean those born in the former Malay States, excluding Penang and Malacca, whose parents are now either deceased or were not citizens at that time, these children were issued with red identity cards, when they attained the age of six. Now, many such children are still under the age of 18 years, when they passed their Form V, I mean those born after 1949 and before 31st August, 1957, who cannot be citizens by operation of law. In spite of the fact that they are very bright students, very bright scholars and are in every respect Federal Citizens except the age limit, yet they can neither be admitted for higher studies nor can they be employed in any Government service because they cannot produce their citizenship certificate before the Public Services Commission. These potential citizens were born, brought up, educated in our country, and it is very wrong for us to have them

know-how, it is not likely that we can catch up with the pace of development of the advanced nations in the economic field and also to cope up with the population growth in the near future.

Sir, I support the Bill. Thank you.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdul-lah: Dato' Yang di-Pertua, saya tidak hendak berchakap panjang dalam Rang Undang² ini chuma ada satu perkara yang sangat mustahak ia-itu perkara yang berlaku baharu² ini anak sa-orang perajurit yang mati dalam hospital sa-hingga berbangkit dalam surat khabar bermacham, patut-lah ini bagi pehak Kementerian Kesihatan memandang berat atas perkara ini. Kalau tentang orang² lain yang tidak beragama Islam tidak apa, tetapi kalau kematian² itu berlaku di-atas orang² Islam kerana perkara ini fardhu kifayah erti-nya siapa yang menguruskan—sa-orang berdua chukup-lah, selesai-lah perkara itu. Tetapi jika tidak, maka mala petaka dosa itu habis hingga kepada Yang di-Pertuan Agong. Ini perkara berat.

Oleh sebab itu perkara² sa-macham itu hendak-lah perhati betul² dan diambil tindakan kalau perkara yang tidak selesai sa-macham itu mesti di-betulkan. Kalau perkara tidak menjangkit kepada orang lain tidak mengapa, tidak menjadi hal, tetapi perkara itu akan mengenai orang yang tidak bersangkutan bersama² akan kena. Jadi lain kali jangan-lah berlaku dan pehak Kementerian Kesihatan beringat pada masa ka-hadapan dan memberitahu tempat² mana² hospital di-atas perkara kematian² orang² Islam yang terjadi saperti mana baru² ini. Sudah-lah kesedehan di-atas bapa-nya pergi berkhidmat kerana negara, anak-nya yang telah di-lahirkan dalam hospital itu pun tidak larat hendak di-jaga—manusia pergi bekerja kerana negara tetapi ada manusia yang tidak memandang, tidak mengambil berat di-atas anak-nya yang di-lahirkan, buah hati sa-orang yang dapat anak lebeh² lagi kalau dapat anak pertama. Ini perkara patut di-ingatkan.

Sa-lain daripada itu bahasa kebangsaan sudah hampir sampai masa-nya. Bil pun sudah masuk di-dalam Dewan

Ra'ayat chuma kita belum lagi. Mengenai kedudukan Sekolah Kebangsaan ada sa-tengah² tempat sekolah kebangsaan itu di-janji² hendak di-bena, buat janji memberi keutamaan, janji tinggal janji, keutamaan tinggal keutamaan, buat-nya tidak, yang sekolah kebangsaan bahagian menengah di-tempat saya itu menumpang. Fasal apa tidak boleh buat, saya dengar, dan khabar dan kata konon, kerana tanah mahal harga-nya sebab itu tidak mahu buat.

Mr Deputy President: Ahli Yang Berhormat boleh tak chakap kuat sedikit!

Tuan Haji Ahmad: Baik-lah.

Mr Deputy President: Chakap kuat sedikit, saya kurang pendengaran.

Tuan Haji Ahmad: Kalau kuat sangat nanti terkejut saya, Dato' Yang di-Pertua,

Yang saya chakapkan tadi mengenai sekolah kebangsaan, bahasa kebangsaan sudah hampir di-ambang pintu, tetapi sekolah kebangsaan maseh kurang, janji di-bangga², keutamaan diberi tetapi janji tinggal janji, keutamaan tinggal keutamaan. Itu-lah sebab-nya khas-nya di-tempat saya sendiri satu kawasan boleh di-katakan—satu tidak hendak katakan kesemua—tetapi 95% orang yang bersama dengan Kerajaan. Jadi sebab itu-lah yang saya katakan tadi, jadi saya harap kepada pehak Kementerian Pelajaran tolong pandang sama mengenai kedudukan sekolah² kebangsaan yang serba kurang khas-nya di-tempat saya sendiri yang telah di-janji²kan itu.

Di-tempat saya sendiri saya cheritakan, pelajar² menumpang di-Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, tidak chukup tumpang lagi di-sekolah saya itu—Sekolah Ugama Ra'ayat bagi lagi kelas lima hari Juma'at, sudah-lah serba kurang yang lain sa-hingga tempat sukan itu pun terpaksa menumpang. Saya bagi tanah padang sukan sekolah kami sendiri, Sekolah Ugama Ra'ayat bagi menumpang sekolah kebangsaan. Bahasa kebangsaan sudah hampir masa-nya. Jadi sudah-lah perkara² lain yang menjadi rumit Lagu Kebangsaan,

bermacam² perkara yang telah berlaku, sekolah kebangsaan serba kurang, hendak melaksanakan bahasa kebangsaan macham² anika yang terjadi, tetapi Bill tidak sampai lagi, kita tunggu masa lagi.

Sa-lain daripada itu sa-chara ringkas sahaja Kerajaan ini telah mengagong² bahawa negara Malaysia ini negara pertanian. Ya, betul dan telah pun di-ikhtiar, di-usahakan, hal ehwal yang berkaitan dengan pertanian khas-nya perkara padi boleh di-katakan dari masa ka-samasa bertambah baik lebeh² lagi tahun ini saya memberi ucapan terima kaseh banyak kepada Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Tetapi ada satu perkara lagi yang patut di-ambil ingat ia-itu perkara yang berkaitan dengan ternakan. Ternakan² yang akan di-beri patut-lah di-beri dengan chara yang boleh membawa kepada faedah² yang besar. Kadang² saya perhati ternakan² yang di-beri itu faedah-nya sadikit dapat, sebab orang² yang menerima ternakan itu kurang bertanggung jawab. Ini kesemua ada mempunyai kesilapan² yang banyak tetapi dapat-lah di-betulkan daripada satu masa ka-satu masa.

Sa-chara ringkas, Dato' Yang di-Pertua, pagi tadi banyak soalan² yang di-tambah di-atas Bil ini, soal yang di-hadapkan bagi soal² bagi jawab mulut. Perkara kejadian² burok dalam negeri kita ini, entah betul atau tidak, pada perhatian saya, ada satu masa dalam cinema di-pertunjukkan bagaimana-kah chara-nya hendak menangkap penchuri kereta. Saya sendiri bersusah payah pergi melihat bagaimana orang yang ada kereta unok menjaga kereta-nya. Rupa²-nya sa-lepas daripada pertunjukan itu bukan kebajikan yang dapat tetapi kereta²-nya pun sudah menjadi² hendak menchuri walau sadikit demi sadikit sudah melarat. Ini kesemua-nya tidak lain dan tidak bukan daripada kesan² pertunjukan² yang tidak membawa kepada faedah. Sa-hingga ka-dalam televisyen kita ini pun tidak kerja lain tunjok tiap² malam tembak-menembak, tembak-menembak, macham² cherita yang ada sa-hingga budak² pun sudah pandai belajar sekarang. Kalau katakan

radio boleh tahan-lah sebab telinga dengar mata tidak memandang, ini telinga dapat mendengar mata dapat memandang, kalau sudah dua sa-kali tentu-lah kesan lebeh. Kalau ada penerangan² yang baik, pertunjukan² yang baik, sadikit² lama² sa-kali yang mana membawa kepada cherewet yang akan di-tiru yang burok itu yang itu-lah banyak di-tunjokkan, konon kalau tidak tunjok perkara ini sa-macham itu, bagaimana orang hendak jaga diri. Mithal-lah kalau tidak di-tunjok bagaimana chara hendak menangkap orang² jahat tentu orang tidak dapat hendak menangkap, itu mithal-nya. Tetapi tabiat manusia ini di-tunjokkan satu² pertunjukan, kalau-lah daripada mula di-pertunjukkan itu semua-nya baik, tetapi terselit sadikit yang tidak baik, yang tidak baik itu di-ambil—yang baik itu di-buang—itu tabiat manusia. Lebeh lagi daripada mula samapi akhir, dia tidak ambil yang baik, kalau tunjok macham mana hendak tangkap penchuri, tangkap penchuri tidak di-ambil tetapi bichara penchuri itu di-ambil. Jadi perkara yang sa-macham itu berkurang-lah, kalau ada kurang² yang baik² sadikit, ah! sadikit² sahaja, oleh sebab jam sudah chukup, minta ma'af jam sudah chukup konon, kalau yang lain panjang. Ini pun satu macham juga.

Jadi patut tempat² mana yang dapat di-beri khas-nya dalam Kementerian Penerangan dan Penyiaran ini sama ada penerangan² ka-kampung yang di-letakkan dalam bahagian penerangan boleh di-katakan banyak, sama ada dalam radio, sama ada dalam talivishen, biar-lah penerangan itu yang boleh memberi supaya manusia itu menjadi baik. Dari itu di-perbanyakkan pengajaran² yang mendatangkan faedah.

Lagi pula sa-chara ringkas, Dato' Yang di-Pertua, telah lalu pun telah saya berchakap ia-itu perkara lalu-lintas yang berkaitan dengan pengangkutan. Makin sa-hari makin menjadi² sa-hingga membawa kepada pemandu² itu tidak ada insaf barang sadikit pun. Sebab apa ini? Saya rasa yang ada mengambil bahagian dalam tindakan² supaya mengurangkan sadikit sa-banyak perkara² yang berlaku di-jalan

raya tidak di-ambil dengan chergas. Oleh itu di-harap supaya perkara² yang berlaku di-jalan raya ini hendak-lah jangan banyak sangat berlaku. Itu pun satu daripada-nya kalau tidak silap dahulu sudah saya berchakap, kerana daripada kesan-nya yang selalu kita dengar bila² tuan² lalu singgah-lah di-harimau yang mengaum di-tengah jalan untuk mengisi tangki tuan². Itu pun pedah, pedah dengan perkataan harimau, harimau, harimau, maka kereta pun jadi harimau selalu makan orang.

Saya rasa perkara kejadian ini adalah berlaku-nya, tetapi kalau hendak di-batalkan perkara ini tentu tidak boleh kerana ini pun hasil negeri juga. Ini puncha daripada insurance kerana insurance ini-lah yang membawa kepada driver² ini samsing. Apa gadoh, kereta rosak—insurance; ini jahanam—insurance, ini jahanam—insurance, daripada puncha ini-lah sudah jadi khas-nya driver² lori sudah menjadi samsing di-tengah jalan—apa takut, insurance ada. Penyakit insurance ini pun satu bala.

Oleh itu, Dato' Yang di-Pertua, saya tidak mahu-lah berchakap panjang. Tadi ada saudara saya menyebutkan masaalah pergi balek, pergi balek—elaun; pergi balek, pergi balek—elaun. Ahli Dewan Negara ini pun telah di-chap orang yang tidak berkawasan. Fasal apa hendak di-beri elaun, tetapi dia tidak tahu Ahli Dewan Negara ini mewakili Negeri—bukan kawasan Ahli dudok dalam Dewan ini dia adalah sifat dia bagi Negeri dia, mengikut apa yang saya tahu sedikit sa-banyak dalam Perlembagaan demokrasi dia mengatakan Ahli² Dewan Negara itu ada-lah nisbah diri-nya yang dudok dalam Dewan ini mewakili Negeri dia, wilayah dia—bukan kawasan; kawasan kecil—negeri lagi besar, tetapi ada orang mengatakan tidak ada kawasan. Hendak kawasan apa? Kawasan kecil. Ini mewakili Negeri. Saya tahu saya sendiri—tidak usah ambil dalam negeri Pulau Pinang—dalam kawasan saya saya dudok dalam kawasan Kepala Batas, tetapi kawasan Kepala Batas itu tiga Council Daerah, tiga Council State, satu kawasan Parlimen, tetapi naik kepala Tok Haji ini sa-orang, tetapi bila sebut kata elaun, ini

bukan ada kawasan, bukan kata mahu jawab—saya rasa hairan. Ahli Dewan Negara ini kalau mengambil di-atas chara pemerentahan demokrasi, sa-buah Parlimen di-adakan dua Dewan, sebab apa, apa salah pakai satu Dewan Ra'ayat—sudah-lah; apa yang sudah—jalan, habis kira. Mengapa Dewan Negara ini di-buat. Tahu-kah, pada hal Dewan Negara ini tempat pemegang amanah yang besar. Kalau ada satu² keputusan sana yang tergopoh-gapah, kalau ada satu keputusan² yang tidak sesuai, kalau ada satu² keputusan yang di-buat dengan tidak di-halusi, maka Dewan Negara ini-lah tempat-nya untuk menyelidek, menghalusi di-atas apa yang di-buat walau perbelanjaan, walau apa juga—sini-lah tempat-nya, bukan tempat ini dudok di-atas kerusi, sejok, tetapi pechah otak untuk memikinkan, sungoh pun Ahli Dewan Negara bukan kerja meranchang, apa ranchangan yang telah di-buat di-bawa dalam Dewan ini, Ahli Dewan dia tengok, dia lihat, ini betul—O.K.—jalan, tetapi ini nantikan. Tunggu dahulu ini; fasal ini.

Kita boleh menolak balek jangan main Dewan Negara ini, bukan main pukul $2 \times 5 = 10$ sahaja. Hendak dudok dalam Dewan Negara ini pun kita kena tahu. Kita ada hak, kita ada kuasa boleh buat. Dewan Ra'ayat terubur sampai waktu-nya, Dewan Negara tidak boleh chuma boleh ganti² sahaja. Ini power kita lebeh. Jadi kalau hendak sebut fasal² elaun² ini sebab itu saya kata di-masa yang lalu pada bagi tidak chukup lebeh baik kerja free. Saya sa-orang daripada-nya akan bekerja free. Kalau hendak mandi biar-lah basah dan lenchun alang² tidak usah.

Nama-nya makan gaji, tetapi tidak sampai. Kata-nya taraf tinggi, tetapi kawan ini buat kayu tiga—jadi serba salah kedudukan. Sebab itu-lah pada masa yang lalu saya kata, jangan-lah Dewan ini senget—saya minta ma'af-lah. Oleh itu, Dato' Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu dalam Budget kita pun tahu Perdana Menteri chuma lebeh \$1,000 daripada Menteri². Batang tuboh Yang Teramat Mulia sendiri sa-bagai Perdana Menteri tentu dia tidak mengaku dia tidak mahu-lah mengatakan. "Oh bagus-lah hang tambah gaji aku

ini, patut hang tolong-lah kira tambah." Tidak akan-lah begitu. Tetapi kita sendiri patut insaf, mengenang di-atas sa-tiap usaha dia sa-hingga keadaan terjadi sa-macham ini patut-lah di-timbang, di-tambah. Kalau tidak silap saya ada dalam surat akhbar yang bertanya kapada-nya, chukup tidak mengenai fasal elaun-nya. "Fasal tidak chukup itu-lah maka saya menjadi pengarah filem" (*Ketawa*).

Kalau kita kaji sa-chara kasar, bukan sa-chara halus, bukan sa-chara faedah² yang di-buat itu pada masa yang akan datang, sa-chara kasar sahaja—kita biarkan Perdana Menteri kita sendiri yang bersusah payah menjalankan kerja sa-hingga keadaan terjadi sa-macham ini, dengan keadaan yang serba kurang kapada-nya, di-akhir-nya kita biarkan dia jadi pengarah filem. Kalau ambil sa-chara sapintas lalu sahaja ini perkara malu, Perdana Menteri awak sendiri pun awak biarkan jadi pengarah filem untuk menchari penghidupan, dia tambah lagi. Ini aib. Tetapi sa-benar-nya bukan-lah macham itu kerana ada perbuatan² dan arahan ia-itu yang orang lain tidak boleh buat kita yang boleh buat. Itu pun untuk faedah kapada negara juga tetapi sa-patut-nya di-timbang. Saya shorkan patut-lah di-tambah gaji Perdana Menteri supaya sa-imbang dengan perkhidmatan yang telah di-berikan kapada negeri ini pada masa² yang lalu.

Saya tidak hendak kajikan apa yang berlaku kapada Yang Teramat Mulia sa-hingga tidak tahu-lah apa yang tinggal kapada Yang Teramat Mulia pun entah—menjual sahaja! Di-masa perjuangan-nya menuju kapada kemerdekaan—Tanah Melayu belum merdeka lagi—pada masa itu boleh dikatakan chukup azab tidak saperti mana orang² lain yang telah mengorbankan tenaga-nya, fikiran-nya, hartanya pun sa-hingga habis ada apa yang ada pada beliau. Jadi sa-bagai membalas jasa²-nya yang telah lalu sa-bagai bapa kemerdekaan Malaysia dan Perdana Menteri bagi negara kita ini, saya shorkan supaya elaun-nya patut di-tambah—Menteri Muda Kewangan pun ada di-sini, Menteri Kewangan

tidak ada Menteri Muda sahaja ada—patut-lah Cabinet juga menimbangkan. Bukan sahaja di-tambah elaun Perdana Menteri kita itu.

Kembali balek saya lupa tadi, Tuan Yang di-Pertua, mengenai pesawahan ini khas-nya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Perkara pertanian dan persawahan itu telah pun di-buat pertunjokan perchubuan semuanya di-tempat saya sendiri, sama ada padi ria atau padi malinja atau mahsuri, banyak telah di-buat perchubuan² di-sana—yang akhir sa-kali ia-lah padi ria. Tetapi itu soalan saya itu ia-lah mengenai kedudukan taliayer². Di-ikhtiar, di-usahakan taliayer², untok masok ka-sawah tetapi tidak di-ikhtiar di-usahakan untok petani² membuang ayer. Kalau masa kering, masa hujan, tidak banyak boleh tahan-lah, kalau masa hujan banyak padi ria tinggal padi ria. Sebab padi ria itu rendah, tanam-nya kerap, kalau ayer dalam, tidak boleh buat. Tempat saya sendiri telah di-chuba²kan padi ria, kalau dalam tanah dalam—susah. Tetapi tahun ini oleh sebab hujan kurang, perchubuan pula telah di-chuba² di-musim kemarau, boleh-lah tunjok dengan pemotong²-nya, serba serbi-nya, fasal tidak ada hujan, kalau ada hujan tahu-lah tunjok itu macham mana chara. Hendak tenggelam tidak tenggelam, chuba-lah tengok. Jadi saya harap di-samping membuka taliayer² banyak² biar-lah di-ikhtiarkan taliayer² untok membuang ayer² yang banyak dalam sawah² itu supaya di-adakan. Kalau tidak, padi² yang ditanam pada masa yang telah lalu banyak yang tenggelam sa-hingga tumbuh² pula padi itu.

Dato' Yang di-Pertua, saya tidak ada hendak berchakap apa² lagi sa-lain daripada itu saya ucapkan terima kaseh banyak. Saya rasa Rang Undang² Bekalan yang telah di-bentangkan itu ada-lah boleh di-katakan buat masa sekarang ini ada-lah satu Rang Undang² yang di-bentangkan sesuai dengan masa-nya. Tetapi dari sa-tahun ka-satahun, keadaan kedudukan kita ini serba kurang di-atas perbelanjaan² Kerajaan. Oleh itu di-harap supaya di-masa² yang akan datang dapat di-

ikh'arkan lagi perusahaan² dalam negeri ini supaya di-perbanyakkan, mu-dahan² di-ketika itu dapat-lah ke-dudukan negeri ini berada dengan ke-adaan yang baik. Sekian, di-ucapkan terima kaseh, Dato' Yang di-Pertua.

Tuan Amaludin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sukachita juga mengambil kesempatan untuk berchakap sedikit sa-banyak di-dalam Rang Undang² Perbekalan bagi tahun 1967 ini yang te'ah di-bahathkan bagitu lama dan bagitu panas di-dalam Dewan Ra'ayat baharu² ini, dan saya perchaya, bo'eh jadi, Dewan Negara ini juga tidak bagitu sejok pada sa-belah pagi tadi sa-kali pun saya tidak ada, oleh kerana memang-lah menjadi tanggung-jawab kita semua tidak akan membiarkan sa-suatu Bill di-'uskan dengan tidak memberi sa-barang pan-dangan bagi menyempurnakan tang-gong-jawab sa-bagai sa-orang Ahli Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saperti biasa di-beberapa tahun yang akhir ini pada tiap² kali Yang Berhormat Menteri Kewangan mengemukakan Rang Un-dang² Perbeka'an, maka ikut sama-lah pula beberapa kenaikan chukai² ba-haru. Ini menurut Menteri Kewangan, ia-lah sa-suatu yang terpaksa d'-ada-kan bagi memenohi kehendak² per-belanjaan negara yang sa-makin besar di-da'am negeri kita ini terutama sa-sudah wujud-nya Malaysia di-mana banyak wang yang mahu di-gunakan bagi maksud pembangunan Malaysia Timor. Tetapi yang ganjil-nya, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah beberapa kali di-naikkan chukai² dan beberapa kali pu'a kena'kan chukai² itu di-tarek balek oleh kerana ada bantahan².

Dalam tahun yang lalu dalam ucapan belanjawan Menteri Ke-wangan kita, dalam ucapan-nya me-ngemukakan Rang Perbelanjaan tahun 1966, te'ah menerangkan betapa chukai tutup botol yang telah di-kenakan dua tahun dahulu telah menjadi permainan oleh pehak saudagar² yang mengganti-kan tutup botol dengan tutup botol lama atau menggantikan daripada botol kapada tin, menyebabkan Kerajaan tidak menchapai maksud dari sumber chukai tutup botol itu—akhir-nya chukai itu di-batalkan. Tetapi kesan

daripada kenaikan chukai itu tidak berubah kapada ra'ayat dengan harga barang yang te'ah di-naikkan chukai pada mula-nya.

Tuan Yang di-Pertua, hendak-lah d'-buat satu kawalan yang betul² dan bersunggo, supaya kenaikan harga² barang akibat daripada kenaikan chukai² dapat di-elakkan terutama saperti sekarang ini—telah ada kenai-kan² yang mengejutkan sa-sudah banjir besar baharu² ini. Sa-hingga kalau kita kajikan sa-ringgit wang di-tangan sa-orang ra'ayat yang dahulu-nya dapat di-be'anjakan unok lima barang bagi keperluan harian pada hari itu, se-karang dia dapat menggunakan wang sa-ringgit unok tiga barang bagi ke-perluan dapor hari ini. Ini satu ba-nyangan betapa merosot-nya keadaan yang di-katakan kema'amoran negara kita, dan betapa membayanangkan gejala² turun-nya nilai mata-wang kita, lambat laun, akibat daripada kenaikan harga barang² yang melemahkan tenaga pembeli di-dalam negeri kita ini. Saya mengingatkan, Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini, sebab kalau Kera-jaan tidak bersunggo² mengawasi, bahkan kalau per'u mengadakan food control (kawa'an makanan) kembali, saperti yang pernah d'-buat di-waktu hampir ber'aku peperangan pada tahun 1941 dahu'u, kawalan yang ber-sunggo², maka saya perchaya apa yang ber'aku sekarang ini akan ber-tambah bur'ok yang kesan-nya di-tanggung oleh ra'ayat yang miskin².

Baharu² ini saya terbacha dalam surat khabar, sa-sudah Yang Berhormat Menteri Kewangan menge-mukakan Bill dan sa-telah kenaikan chukai² saperti chukai minyak diesel, chukai dua peratus kerana import, maka chukai ini sudah tentu-lah ter-kena kapada ra'ayat—bukan kena ka-pada importer, tetapi kena kapada pembeli. Dan pembeli tidak akan me-naikkan dua sen harga barang—dia akan sekurang²-nya lima sen kerana zaman menggunakan wang satu sen dan sa-tengah sen telah luput pada masa kita ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, khabar-nya Kementerian Per-dagangan dan Perusahaan sedikit cher-gas membuat beberapa gerakan² di-Kuala Lumpur dan Petaling Jaya me-

nyiasat harga barang². Tetapi kadang² kita fikir boleh jadi sa-macham komidi, sebab kalau satu rombongan yang akan melawat menyiasat harga barang itu, sudah di-siap²kan ter'ebeh dahulu macham perarakan² yang akan di-adakan sa-chara besaran², tentu-lah orang sudah bersedia untuk menyembunyikan keadaan yang sa-benar. Survey atau pun kajian yang sa-benar-nya hendak-'lah d.-buat daripada laporan² orang ramai dan gerakan² yang bersungguh² dengan tidak menentukan hari ini akan di-siasat kedai² di-kawasan ini, tiga hari lagi akan di-siasat kedai² di-kawasan sana—bukan samacham itu. Tetapi walau bagaimana pun, satu pejabat food control ada-lah sangat mustahak sekarang ini di-bentuk bagitu rupa bagi mengawasi harga barang² supaya ra'ayat tidak akan menderita akibat kenaikan chukai² ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarek hati dengan langkah Kerajaan sa-sudah di-ishtiharkan kenaikan chukai kapada minyak diesel lagi 12 sen—erti-nya satu puncha kemasokan wang kapada Kerajaan, tidak beberapa hari kemudian dalam waktu sidang Dewan Ra'ayat maseh berjalan membahathkan Budget, tiba² Menteri Kewangan mengishtiharkan bahawa kapada pelombong² ada-lah di-kechualikan kenaikan chukai 12 sen itu. Jadi, pengechualian kapada pelombong² di-dalam negeri ini erti-nya pengechualian kapada sadikit ra'ayat negeri ini dan kapada banyak yang bukan ra'ayat negeri ini mendapat faedah-nya. Sebab pelombong² negeri ini banyak modal² asing sa-lain daripada modal² warga-negara Persekutuan sendiri.

Saya harap, jika Kerajaan boleh bermurah hati untuk melindungi kepentingan ra'ayat dalam menchari rezeki—kalau Kerajaan telah boleh bermurah hati kapada pelombong² yang boleh mendapat keuntungan beratus² ribu, bermillion², tidak ada sebab Kerajaan tidak boleh bermurah hati kapada kaum nelayan yang menangkap ikan dengan menggunakan motor² perahu, yang mereka itu menchari makan—sudah-lah menggadai nyawa-nya di-tengah² laut, menyabong nyawa di-tengah² ombak—balek ka-pantai, harga

ikan mereka itu bukan mereka yang menentukan tetapi orang yang menunggu di-pantai yang menentukan berapa harga yang akan di-bayar. Jadi kapada mereka ini yang berada di-seluruh pantai² di-Malaysia kita ini, patut juga Kerajaan memberi murah hati dengan mengechualikan 12 sen kapada mereka itu saperti Kerajaan dapat berbuat kapada pelombong² yang kaya-rya dalam negeri kita ini. Saya perchaya Kerajaan boleh menimbang perkara ini. Kalau Kerajaan fikir dengan mengechualikan kapada pelombong² itu dengan kerana daripada sumber lombong² di-Tanah Me.ayu ini mendapat hasil negara yang banyak sa-lain daripada getah, saya fikir Kerajaan juga boleh menimbang-kan sa-kali pun nelayan² tidak memberi hasil yang banyak kapada negara, tetapi mereka memberi ikan² yang sedap kapada Menteri² dan juga kapada Ahli² Dewan kita semua dan kapada orang ramai di-bandar² yang t.dak pergi ka-laut menangkap ikan, tetapi hari² ingin dan datang ka-pasar untuk menchari ikan.

Jadi Kerajaan patut menimbang kapada mereka supaya dapat di-kechualikan juga saperti yang di-berikan kapada pelombong² itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada mula-nya saya berchadang untuk mengulas banyak tentang ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah di-kirim lama dahulu akan tetapi kerana saya mengikuti perkembangan yang berlaku di-Dewan Ra'ayat terlalu banyak yang telah di-bahathkan tentang ucapan beliau maka saya rasa kita tidak-lah patut membuang masa untuk membahath ucapan itu sa-sudah di-bahathkan bagitu lama di-Dewan Ra'ayat.

Chuma, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyentoh soal Jabatan Perdana Menteri yang di-bawah-nya termasuklah soal perkhidmatan Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam—sa-kali pun bebas tetapi ada hubungan-nya.

Baharu² ini berbangkit dari peristiwa perbahathan mengenai Rang Undang² Bahasa Kebangsaan, satu forum akan di-adakan di-Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, sa-orang pegawai

yang bertanggung-jawab telah menerima arahan melarang daripada membenarkan penggunaan Balai Budaya itu oleh Pengerusi Surohanhaya Perkhidmatan 'Awam. Jadi saya rasa sedikit ganjil dalam perkara ini kerana kalau-lah satu larangan akan di-buat oleh Ketua Pejabat terhadap sa-orang pegawai Kerajaan yang mengetuai Dewan Bahasa hendak-nya datang daripada Menteri Pelajaran, itu paling tinggi sa-kira-nya pegawai itu ingkar maka baharu-lah di-laporkan kepada Surohanhaya Perkhidmatan 'Awam dan tidak-lah betul bagaimana Pengerusi Surohanhaya Perkhidmatan 'Awam boleh bertindak di-luar batas dan ini sangat²-lah di-kesalkan. Saya harap Perdana Menteri harus memberi keterangan yang lebeh bertanggung-jawab tidak-lah sa-kadar seperti yang di-ucapkan di-dalam Dewan Ra'ayat baharu² ini untuk mempertahankan apa tindakan yang telah di-ambil.

Sa-perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah mengenai pentadbiran agama. Satu kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baharu² ini mengatakan kemungkinan akan di-wujudkan satu sistem pentadbiran agama di-bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya ada-lah mengalu²kan lahir-nya usaha ini supaya pertadbiran agama yang kelihatan berpechah² dan tidak sama antara satu dengan satu dapat di-samakan seluruh-nya di-dalam negara kita ini, negara Malaysia. Apabila saya menyokong niat Kerajaan untuk menchari ikhtiar atau menchari jalan untuk menyatukan pentadbiran agama, suka-lah saya hendak memahamkan, di-dalam usaha² untuk menyatukan pentadbiran agama ini Kerajaan hendak-lah memandang dan memahami pengertian agama Islam dengan chara yang luas dan jangan-lah Kerajaan chuba untuk menyatukan pentadbiran agama ini hanya sa-kadar untuk menyatukan Pejabat² Kadhi untuk menyamakan soal Undang² Nikah Cherai, untuk menyamakan soal² Undang² Khalwat dan hukuman-nya, untuk menyamakan uniform atau pakaian kepada Tuan² Kadhi dan Tok² Mufti yang kemudian di-dalam majlis² rasmi boleh di-minta mereka itu membacha do'a, do'a selamat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya penyatuan pentadbiran agama ini bukan itu, dan kelaziman yang meminta Mufti² atau Tuan² Kadhi membacha do'a² selamat itu pun tidak patut di-amalkan terus-menerus, sebab pada saya itu ada-lah penghinaan kerana di-dalam sa-barang majlis dhif², pembesar² negeri ada mengambil peranan masing² untuk beruchap dan sa-bagai-nya akan tetapi Mufti² di-panggil untuk membacha do'a. Mufti ada-lah Attorney General, itu-lah hakikat-nya yang sa-benar, tetapi apa boleh buat malang-nya pemisahan pentadbiran agama itu telah berjalan di-negeri kita akibat daripada warithan penjajah Inggeris, maka Mufti hanya menjadi tukang fatwa dengan sa-buah majlis fatwa-nya dan pembacha do'a. Ini tidak-lah mahu kita lihat berlaku salama². Siapa pun juga boleh membacha do'a sa-bagai ketua besar, mithal-nya Perdana Menteri sendiri boleh membacha do'a dalam satu majlis tidak rayah memanggil tok² imam atau tok² Mufti kechuali Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri kita berkelahi dengan Tuhan, kalau tidak berkelahi siapa pun juga boleh membacha do'a (*Ketawa*). Jadi jangan-lah Mufti atau Tok² Kadhi ini-lah menjadi tukang² membacha do'a di-dalam majlis² rasmi.

Saya maksud yang sa-benar, Tuan Yang di-Pertua, dalam pentadbiran agama ini mahu melihat pentadbiran agama Islam yang benar² yang boleh membawa kepada kemajuan di-dalam agama Islam di-negeri kita ini, mahu melihat wujud-nya sa-suatu yang dapat di-banggakan dan kerana itu Kerajaan kalau mahu melaksanakan ini dengan jaya hendak-lah mendapat pegawai² yang sa-baik²-nya, yang chukup kelayakan dan membentok jawatan-kuasa² terutama jawatan-kuasa menggubal Undang² Islam dan juga merupakan jawatan-kuasa penyiasat dan pengkaji di-dalam perkara undang² yang akan di-laksanakan di-dalam negara kita ini. Ada pertalian perchakapan saya ini dengan perjalanan undang² di-dalam negara kita ini. Saya maksudkan apabila kita telah merdeka, apabila kita telah jadikan Islam sa-bagai agama rasmi di-negeri kita ini, sa-barang

undang² yang di-buat di-dalam negara kita ini tidak-lah patut dalam peng-gubalan undang² itu tidak di-tinjau sedikit pun pendapat² ugama Islam sa-bagai ugama rasmi.....

Tuan Abdul Samad bin Osman: On a point of order, Sir, Standing Order 15.....

Mr President: Sudah habis-kah! Jika belum bagaimana Standing Order saya mesti-lah tangguh persidangan ini.

Tuan Amaluddin Darus: Saya minta di-sambong besok.

ADJOURNMENT

Tan Sri T. H. Tan: Mr President, Sir, the time has now come for me to move under the Standing Order 15 (3) that the Senate do now adjourn.

Dato' Y. T. Lee: Mr President, Sir, I beg to second.

Question put, and agreed to.

ADJOURNMENT SPEECH PEMECHAHAN LADANG² GETAH

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya hendak kemukakan dalam ucapan penanggihan saya di-Dewan yang mulia ini ia-lah perkara yang saya pandang sangat berat dan sedang mengalami suasana negara kita. Apa yang akan saya katakan atau apa yang saya akan sebutkan ini ia-lah berkenaan pemecahan ladang² getah di-tanah ayer kita.....

Tan Sri Haji Mohd. Noah: Tuan Yang di-Pertua, saya tumpang bertanya sedikit. Di-dalam perbahathan mem-bahathkan Anggaran Perbelanjaan, satu perbahathan yang luas yang tiap² sa-orang Ahli boleh berucap dalam sa-barang perkara yang ada di-atas dunia ini. Tidak-kah boleh bagi pehak yang hendak berchakap dalam adjourn-ment speech ini mengambil bahagian membahath Anggaran Belanjawan itu.

Mr Deputy President: Ini adjourn-ment speech.

Tan Sri Haji Mohamad Noah: Per-kara yang Ahli Yang Berhormat hendak chakapkan itu boleh di-chakapkan dalam perbahathan Anggaran Belan-

jawan yang ada di-hadapan Majlis ini. Saya fikir perkara ini dia tidak tahu yang dia boleh berchakap, sebab dia member baharu. Harus barangkali dia tidak tahu sa-patut-nya dia di-nasihatkan yang dia ada bahagian berchakap dalam masa perbahathan Anggaran Belanjawan.

Mr (Deputy) President: Mengikut bagaimana Standing Order 15 Senate sudah di-adjourn sampai besok tetapi belum di-ishtiharkan oleh President, jadi sekarang dia meminta di-benarkan kerana membuat Adjournment Speech, maka saya benarkan-lah.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan ini ia-lah berkenaan dengan pemecahan ladang² getah di-tanah ayer kita ini yang mana telah menimbulkan berbagai² reaksi akhir² ini yang mana sudah tentu akan menimbulkan kerumitan yang besar bukan sahaja kepada ekonomi negara bahkan mengancam penghidupan kaum² pekerja dan buroh² di-ladang itu serta keluarga-nya sa-kali. Pada pendapat saya pemecahan ladang² ini ada-lah banyak mendatangkan keburokan dari kebaikan-nya terutama kepada pekerja² dan buroh² ladang itu, bahkan mengikut jangka panjang akan menyentoh keadaan ekonomi negara. Saya perchaya apa yang saya suarakan ini akan mendapat sokongan dan persetujuan dari rakan² saya, Ahli Yang Berhormat sakalian.

Tuan Yang di-Pertua, keburokan yang menimpa oleh pemecahan ladang² getah ini akan di-rasa² oleh buroh² di-ladang² yang tersebut ia-itu mereka akan menjadi golongan penganggor, kepedahan dan kepahitan hidup mereka dan keluarga mereka ada-lah menanti sa'at akhir bagi nafas mereka itu. Maka sudah sa-patut-nya-lah kita, sa-bagai Ahli Dewan ini, mengambal perhatian yang berat supaya perkara burok ini tidak berlaku dengan terus menerus. Saya berpendapat chara atau tindakan yang berkesan tidak akan dapat di-laksanakan bagi mengatasi perkara ini melainkan pehak yang berkenaan atau Kerajaan Malaysia bertindak bagi mengadakan satu undang²

bagi menchegeh terus supaya pemecahan ladang² getah di-tanah ayer kita ini tidak berlaku dengan sewenang²-nya. Saya perchaya chara pehak pemodal atau ahli perniagaan menjal'ankan perniagaan beli dan pechah² ladang² ini bukan-lah dengan tujuan hendak memberi tanah kepada mereka² yang tidak bertanah, tetapi apa yang terlintas di-hati saya, mereka ini samata² untok mengisi kantong² mereka sendiri, atau lebeh tegas lagi menchari kekayaan yang paling chepat di-mana mengakibahkan penindasan, kelaparan yang akan menimpa buroh² yang akan kehilangan pekerjaan mereka itu. Jika t'dak sa'ah pada peringatan saya apa yang telah berlaku kira² enam atau tujuh tahun yang lalu apabila timbulnya perkara pemecahan ladang² getah sa-luas 231,850 ekar, maka satu jawatan-kuasa yang di-kenal Jawatan-kuasa Pemecahan Ladang² Getah telah ditubuhkan bagi menyiasat serta membuat laporan di-dalam masaalah ini. Jawatan-kuasa tersebut telah melaporkan penyata, juga chadangan²-nya, setelah ia-nya menyiasat dan membuat penelitian yang sa-bagitu lama. Professor Engku Aziz ada-lah orang yang mengetuai Jawatan-kuasa penyiasatan tersebut dan ini ada-lah di-antara tahun 1951 hingga tahun 1960. Jawatan-kuasa ini juga sa-tahu saya telah menerima fikiran² dari badan² yang berkenaan dengan getah dan sa-bagainya dan boleh-lah di-katakan kerja yang di-lakukan oleh Jawatan-kuasa itu sa-bagai satu kerja yang sangat mustahak; laporan serta sokongan-nya telah di-kemukakan kepada pehak Kerajaan supaya satu undang² di-buat bagi perkara tersebut.

